



JABATAN PENDAFTARAN NEGARA MALAYSIA

No. 20 Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62551 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-8000 8000
Faks: 603-8880 8288
Laman Web: www.jpn.gov.my
Emel: pro@jpn.gov.my

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.35 (96)
Tarikh : 3 Februari 2017

**Ketua Pengarang
Malaysia Nanban**

Telah difakskan pada: **03 FEB 2017**

Tuan,

MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR MALAYSIA NANBAN BERTAJUK "MENGAPAKAH KEBENARAN DINAFIKAN KEPADA PELAJAR INDIA UNTUK MENERUSKAN PERSEKOLAHAN DI SEKOLAH KERAJAAN TERUS BERLAKU?" BERTARIKH 25 JANUARI 2017, RABU – M.S: 1 & 13

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Encik Vengadeswaran berkaitan tiga (3) orang anak beliau yang bertaraf bukan warganegara.
3. Ingin dimaklumkan, hasil semakan mendapati pada 15 Mei 2016 Encik Vengadeswaran telah mengemukakan permohonan pembetulan maklumat pada sijil kelahiran di bawah Seksyen 27(3) untuk mendapatkan status kewarganegaraan bagi anak-anaknya. Walau bagaimanapun, permohonan tersebut tidak dapat dipertimbang kerana kelayakan status kewarganegaraan anak-anak beliau merujuk kepada maklumat ibu yang merupakan pemegang pasport Indonesia.
4. Sehubungan dengan itu, sekiranya beliau ingin mendapatkan status kewarganegaraan anak-anaknya disyorkan agar beliau memohon pendaftaran kewarganegaraan di Bahagian Warganegara berdasarkan kelayakan mengikut Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

- s.k.:
1. YBr. Tuan KPPN
 2. YBhg. Dato' TKPPN (O)
 3. YBr. Tuan TKPPN (P)

RAKYAT DI HATI JPN

